

Projek kereta ketiga dikaji: Mahathir

Daripada Zamzam Omar

PARIS, Khamis - Malaysia menimbang kemungkinan mengadakan kerjasama dengan Citroen bagi mengeluarkan kereta nasional ketiga, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau tidak menolak kemungkinan projek itu membabitkan kerjasama dengan Proton.

Perdana Menteri menyatakan perkara ini selepas mengadakan lawatan ke kilang Citroen di Velizy, 150 kilometer dari sini, semalam.

Dr Mahathir yang kagum dengan kemudahan di kilang Citroen berkata syarikat itu begitu berminat memasang kereta di Malaysia dan usaha sama itu adalah sebagai alternatif kepada kerjasama

sedia ada di antara Proton dan Mitsubishi.

Bagaimanapun projek itu masih di peringkat cadangan.

Dr Mahathir berpuas hati dengan kemajuan Malaysia di bidang automotif yang dianggapnya sudah bergerak jauh berbanding negara lain dan berpendapat Malaysia tidak boleh hanya bergan-

tung kepada Jepun.

Perdana Menteri singgah di sini dalam perjalanan ke Washington untuk mengadakan rundingan dengan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton.

Sebelum ke Washington petang ini Dr Mahathir turut mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Edourd Balladur.